

# NEWS CLIPPING

**Client:** Exabytes Network  
**Publication:** Kosmo  
**Format:** Print  
**Subject:** Exabytes berjaya tembusi pasaran Taiwan  
**Date:** 7 October 2015  
**PR Value:** RM 40,920



KEE SIAK rancang strategi perkukuh operasi Exabytes di pasaran serantau.

## Exabytes berjaya tembusi pasaran Taiwan

**KUALA LUMPUR** – Exabytes Network Sdn. Bhd. (Exabytes) optimis untuk terus mengukuhkan kedudukannya sebagai penyedia penyelesaian e-dagang dan web hosting serantau dengan menembusi pasaran Taiwan bermula semalam.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chan Kee Siak berkata, ia bakal dipacu oleh pengenalan penawaran penyelesaian e-dagang bersepadunya, EasyStore dan penyelesaian logistik bersepadunya, EasyParcel bersempena penglibatannya dalam E-Commerce Expo Asia 2015 di Taipei, Taiwan.

“E-Commerce Expo Asia 2015 merupakan platform yang ideal kepada kami

untuk memperkenalkan kedua-dua perkhidmatan penyelesaian utama iaitu EasyStore dan EasyParcel kepada pedagang dalam talian di negara ini.

“Peluang ini memberi peluang kepada pemain industri e-dagang Malaysia seperti Exabytes untuk mengembangkan lagi kedudukan kami ke pasaran serantau,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

E-Commerce Expo Asia 2015 bermula semalam, hingga 9 Oktober 2015 dan turut disokong oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia dalam usaha membawa syarikat e-dagang tempatan ke pasaran global yang lebih meluas.